



09 FEB, 2023

FAMA laksana program jualan terus dari ladang

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA laksana program jualan terus dari ladang

Kuala Terengganu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengaktifkan program jualan terus dari ladang (JTDL) bagi mengatasi masalah bekalan sayur di kawasan pedalaman.

Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim berkata, pihaknya bercadang mendapatkan bekalan sebanyak 10,000 tan bekalan sayur daripada pengeluar di Cameron Highlands, terutama untuk dipasarkan di kawasan pedalaman.

Katanya, FAMA negeri sudah melaksanakan satu program JTDL di kawasan pedalaman iaitu di Kampung Bukit Payong, di Besut, kelmarin.

“Kita akui penduduk di kawasan pedalaman sukar untuk mendapatkan bekalan sayur jika ada pun bekalan, harga dijual terlalu membebani pengguna.

“Kita sudah melaksanakan program JTDL, termasuk memasarkan pelbagai jenis sayur di Kampung Bukit Payong, Hulu Besut dan peserta yang menyertai program itu memperoleh hasil jualan sebanyak RM21,000 dalam tempoh kira-kira tiga jam,” katanya.

tanya ketika membuat tinjauan program JTDL di perkarangan Masjid Al-Ikhwan, di sini, semalam.

Nukman berkata, demikian sebagai mengulas saranan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, yang menyarahkan FAMA memasarkan sayur ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan, terutama di kawasan pedalaman.

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja dilaporkan berkata, FAMA diarahkan mengenal pasti kawasan yang berlakunya kekurangan bekalan sayur supaya kementerian dapat menggerakkan segera jentera sedia ada untuk atasi masalah kekurangan bekalan, terutama di kawasan pedalaman.

Mengulas lanjut, Nukman berkata, bekalan sayur di negeri ini mencukupi untuk menampung permintaan penduduk, tetapi berlaku sedikit peningkatan harga.

Sebagai contoh, katanya, FAMA memperoleh 10,000 tan pelbagai jenis sayur pada cuti perayaan Tahun Baharu Cina lalu, tetapi berlaku sedikit peningkatan harga,” katanya.



09 FEB, 2023

FAMA laksana program jualan terus dari ladang

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Terengganu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengaktifkan program jualan terus dari ladang (JTDL) bagi mengatasi masalah bekalan sayur di kawasan pedalaman. Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim berkata, pihaknya bercadang mendapatkan bekalan sebanyak 10,000 tan bekalan sayur daripada pengeluar di Cameron Highlands, terutama untuk dipasarkan di kawasan pedalaman. Katanya, FAMA negeri sudah melaksanakan satu program JTDL di kawasan pedalaman iaitu di Kampung Bukit Payong, di Besut, kelmarin.